

# VIAGRIL 50MG TABLET / VIAGRIL 100MG TABLET

Sildenafil Citrate 50mg & 100mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Viagril
2. Bagaimana Viagril berfungsi
3. Sebelum mengambil Viagril
4. Cara menggunakan Viagril
5. Semasa menggunakan Viagril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Viagril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

### 1. Apakah kegunaan Viagril

VIAGRIL digunakan untuk rawatan disfungsi erektil atau mati pucuk, yang merupakan ketidapayaan untuk mencapai atau mengekalkan ereksi zakar yang cukup untuk mencapai kepuasan hubungan seksual. VIAGRIL hanya akan membantu untuk mendapatkan ereksi jika anda dirangsang secara seksual. Wanita tidak boleh mengambil VIAGRIL.

### 2. Bagaimana VIAGRIL berfungsi

VIAGRIL termasuk dalam kumpulan ubat yang disebut *phosphodiesterase type 5 inhibitors*. Ia berfungsi dengan membantu mengendurkan pembuluh darah pada zakar, sehingga menyebabkan pengaliran darah ke zakar ketika tahap keseksualan dirangsang.

*VIAGRIL tidak boleh*

- Ia tidak boleh menyembuhkan disfungsi erektil. Ini adalah rawatan untuk disfungsi erektil.
- VIAGRIL tidak melindungi anda atau pasangan anda daripada penyakit kelamin.

- VIAGRIL bukan hormon atau *aphrodisiac* (bahan yang merangsang keinginan seksual)

### 3. Sebelum mengambil VIAGRIL

*Bila tidak boleh mengambil*

- Jika anda alergi kepada sildenafil atau bahan-bahan kandungan lain dalam VIAGRIL.
- Jika ada masalah jantung atau masalah hati.
- Jika anda mengambil VIAGRIL semasa mengambil nitrat, kesan positif daripada VIAGRIL dan nitrat boleh menurunkan tekanan darah anda sehingga ke tahap bahawa ia boleh membawa maut. Jangan sekali-kali mengambil VIAGRIL pada masa yang sama semasa mengambil nitrat.
- Jika pernah mengalami kehilangan penglihatan yang disebabkan oleh *Non-arteritic anterior ischemic optic neuropathy* (NAION), ini adalah sejenis penyakit yang boleh menyebabkan kekurangan penglihatan dan kehilangan penglihatan.

*Sebelum mula untuk mengambilnya.*

Beritahu doctor jika mempunyai

- Anemia sel sabit (keluarbiasaan dalam sel darah merah), *leukemia*, *multiple myeloma* (Kanser sumsum tulang)
- Perubahan bentuk zakar atau penyakit Peyronie (disebabkan oleh tisu parut di sepanjang zakar, menyebabkan zakar membengkok) atau pernah tegang lebih dari 4 jam.
- Masalah dengan jantung anda. Doktor akan memeriksa tahap kemampuan jantung anda

sebelum mengesyorkan VIAGRIL.

- Jika Penglihatan menjadi kabur. Berhenti mengambil VIAGRIL dan hubungi doctor anda dengan segera

*Jika mengambil ubat-ubatan lain*

- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru saja mengambil ubat-ubatan lain termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.
- VIAGRIL tidak boleh digunakan dengan ubat-ubatan yang mengandungi nitrat. Jika anda mengambil VIAGRIL dengan nitrat tekanan darah anda akan turun ke tahap yang berbahaya. Nitrat biasanya ditemui di kebanyakan ubat yang digunakan untuk merawat angina (sakit dada akibat penyakit jantung) dan juga dalam ubat-ubatan rekreasi seperti amil nitrat ('popper'). Ini boleh membuatkan anda berasa pening atau pengsan dan juga boleh mendapat serangan jantung atau angin ahmar.
- Jika anda mengambil ubat seperti *alpha-blocker* untuk rawatan tekanan darah tinggi atau masalah dengan prostat. Tekanan darah anda mungkin tiba-tiba akan menurun dan anda boleh pengsan atau berasa pening.
- Jika anda mengambil *Protease Inhibitor* untuk rawatan HIV, dos anda mungkin disesuaikan.

### 4. Cara menggunakan VIAGRIL

*Berapa banyak harus diambil*

Ambil dos yang berpatutan seperti yang telah dinasihatkan oleh doktor. Jika anda tidak yakin sila minta

# VIAGRIL 50MG TABLET / VIAGRIL 100MG TABLET

Sildenafil Citrate 50mg & 100mg

nasihat dengan doktor atau ahli farmasi. Secara umum dos awal ialah 50mg. Tablet ditelan dengan segelas air.

## *Bila perlu diambil*

VIAGRIL hanya akan membantu anda untuk mendapatkan ereksi jika anda dirangsang secara seksual. Jumlah VIAGRIL yang diperlukan untuk berkesan berbeza dari orang ke orang. Biasanya ia memerlukan masa dalam setengah jam ke satu jam. Jika anda mengambil VIAGRIL selepas memakan makanan yang berat anda mungkin mendapati bahawa masa yang diperlukan untuk VIAGRIL memainkan peranan memakan masa yang lebih lama.

## *Berapa lama perlu diambil*

Anda tidak boleh mengambil VIAGRIL lebih dari sekali dalam sehari.

## *Jika anda mengambil terlalu banyak*

Anda mungkin mengalami peningkatan dalam kesan-kesan sampingan. Hubungi doktor jika mengambil tablet lebih dari yang sepatutnya.

## **5. Semasa menggunakan VIAGRIL**

### *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

- Jangan makan ubat yang mengandungi nitrat sebab ini boleh menyebabkan penurunan tekanan darah ke tahap yang berbahaya. Ubat ini sering diberikan kepada pesakit untuk merawat angina (sakit dada).
- Jangan mengambil ubat yang dikenali sebagai penderma asid nitrik seperti amil nitrit ('popper') yang boleh menyebabkan hipotensi.

## **6. Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat termasuk VIAGRIL boleh menyebabkan reaksi alergi. Anda perlu menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami gejala-gejala seperti berikut setelah mengambil VIAGRIL.

Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah seperti sakit kepala, kemerahan pada wajah, kesan terhadap penglihatan *Chromatopsia* (kekurangan kepekaan terhadap warna) kekurangan kepekaan kepada cahaya, penglihatan kabur atau pengurangan ketajaman penglihatan), *Tachycardia* (denyutan jantung yang tidak teratur atau cepat daripada kadar jantung normal semasa berehat), kesesakan hidung (hidung tersumbat), gangguan sytem saraf; sawan (perubahan tingkah laku yang berlaku selepas episod aktiviti elektrik yang tidak normal di dalam otak), pening, muntah-muntah, ruam kulit, mata bloodshot / mata merah, sakit mata. *Priapism* / ereksi berpanjangan (keadaan perubatan yang menyakitkan di mana zakar yang tegang tidak kembali kepada keadaan normal)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers Reporting).

## **7. Cara penyimpanan dan pelupusan VIAGRIL**

### *Penyimpanan*

Simpan pada suhu bawah 30°C.

### *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang ke dalam sistem saliran atau sisa domestik. Sila tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## **8. Penerangan Produk**

### *Rupa dan warna produk*

### VIAGRIL 50:

Tablet berfilem biru berbentuk berlian dengan garisan pembahagi pada satu sisi.

### VIAGRIL 100:

Tablet berfilem biru berbentuk berlian dengan garisan pembahagi pada satu sisi.

### Bahan-bahan kandungan:

Bahan Aktif  
Sildenafil citrate

Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, Dicalcium Phosphate anhydrous, Croscarmellose Sodium, Magnesium stearate, Kollicoat white, Kollicoat Carmine, Kollicoat Brilliant Blue, Purified water

MAL NO:

## **9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Noripharma Sdn. Bhd. (792633-A)  
Lot 5030 Jalan Teratai,  
5 1/2 Miles off Jalan Meru, 41050  
Klang, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**10. Tarikh kemaskini RiMUP:**  
Disember 2014